

## BAB 5

### RUMUSAN DAN SARANAN

#### 5.1 RUMUSAN KAJIAN

Al-Quran diturunkan untuk menjadi panduan kepada manusia. Kesempurnaan isi kandungan al-Quran dan kesesuaiannya pada setiap zaman dan tempat menjadikan Islam agama yang syumul. Sejak zaman berzaman, dari masa Rasulullah hingga ke hari ini al-Quran tetap terpelihara tanpa ada satu pun pengubahsuaian terhadap isi kandungannya. Namun begitu dari sudut yang lain, Islam menghadapi banyak cabaran di mana bidaah dan khurafat telah menjadikan umatnya terkebelakang dari sudut keilmuan dan keintelektualan. Ini terbukti dengan kurangnya ijтиhad dan pengeluaran fatwa-fatwa berkenaan masalah semasa yang baru muncul di mana sebelum ini tidak ada keterangan hukum mengenainya. Justeru, ilmu agama memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat yang islamik dalam segenap aspek.

Kajian yang dijalankan di kalangan masyarakat Islam Mukim Jeram mendapati rata-rata umat Islam masih terkebelakang dari sudut ilmu pengetahuan agama. Kekurangan seperti ini ternyata memberi kesan yang tidak sedikit terhadap pemikiran, jiwa dan tindakan mereka. Amalan-amalan bidaah dipertahankan kerana menyangka ia adalah sunah. Adat-adat pula dikosmetikkan dengan agama dan ini menyukarkan mereka' untuk membezakan antara perkara-perkara yang dilarang dan dibenarkan oleh syarak.

Jika dilihat dari sudut amalan-amalan khurafat seperti memuji kubur dan sebagainya, sebilangan besar masyarakat mula menyedari akan keharamannya di sisi syarak. Namun begitu bahaya amalan-amalan tersebut terhadap akidah dan syariat tidak begitu diambil perhatian. Para pengamal khurafat walaupun kurang berani menyatakan identiti mereka secara terang-terangan tetapi masih berasa selamat melakukan apa yang mereka mahu tanpa ada sekatan khusus daripada mana-mana pihak. Memang sebelum ini kerajaan pernah mengharamkan beberapa amalan khurafat seperti mandi safar dan menyemah pantai, tetapi kini tindakan seperti itu seolah-olah tidak lagi diperhatikan. Masyarakat lebih berminat ‘menjaga tepi kain sendiri’ tanpa menghiraukan apa yang dilakukan oleh orang lain kerana menganggap ia adalah hak individu. Mungkin masyarakat berpendirian cukuplah sekadar mereka tidak melibatkan diri dengan amalan-amalan yang diharamkan oleh agama. Sekiranya ada orang lain yang terlibat, mereka tidak akan mengganggu atau mengambil tahu mengenainya. Bidaah dalam adat serta amalan-amalan khurafat seperti memuja kubur para wali, menurun dan sebagainya sehingga kini masih lagi diamalkan. Keadaan ini secara langsung menunjukkan kesedaran kemasyarakatan di kalangan umat Islam masih pada tahap rendah.

Ternyata era moden dan globalisasi tidak akan dapat melenyapkan bidaah dan khurafat dari lingkungan kehidupan umat Islam. Kalau pun sesuatu amalan khurafat itu hilang, bukanlah bermakna mereka tidak lagi menyukainya tetapi ia ditinggalkan kerana keadaan semasa yang tidak menggalakkan. Tidak mustahil sekiranya satu amalan khurafat hilang, tetapi dalam masa yang sama timbul pula bermacam-macam jenis khurafat yang baru.

Penulis juga melihat bahawa majoriti penduduk Islam sama ada dalam kawasan Mukim Jeram atau di luarnya masih mengamalkan budaya ‘mengikut’ atau taklid. Ini berpunca daripada kurangnya ilmu agama di mana masyarakat sekadar mewarisinya secara turun temurun. Hanya sedikit dari kalangan mereka yang berusaha menambah pengetahuan keagamaan melalui cara pengajian dan pembelajaran. Ilmu agama yang mereka miliki boleh dikatakan hanya ‘cukup-cukup makan’ yakni setakat melepassi amalan-amalan wajib dan beberapa amalan sunat yang biasa. Ringkasnya, ilmu agama dalam konteks yang lebih kompleks tidak dipelajari. Ini disebabkan masyarakat masih kurang pendedahan mengenai keperluan dan kepentingannya.

Daripada kajian yang dibuat juga didapati bahawa segelintir masyarakat terutama golongan tua adalah buta huruf. Ini menyukarkan mereka untuk mendapat informasi ilmu. Bagaimanapun, mereka sebenarnya masih berpeluang menggunakan cara yang lain seperti menghadiri majlis-majlis ilmu yang dianjurkan oleh masjid-masjid atau surau-surau. Namun demikian, bilangan mereka yang mempunyai kesedaran seperti ini amat sedikit di mana kehadiran ke kuliah-kuliah dan ceramah-ceramah agama masih sangat kurang (kurang daripada 5 peratus). Penulis juga mendapati mereka yang selalu hadir ke majlis-majlis keagamaan di surau mahu pun masjid dapat menghuraikan topik kajian lebih baik daripada mereka yang tidak pernah hadir.

Selain itu arus pemodenan ternyata banyak mengubah minda dan corak pemikiran masyarakat. Generasi masa kini terutama golongan muda dilihat mempunyai pegangan agama yang kurang kukuh. Begitu pun bukan bermakna

masyarakat Melayu Islam beberapa desawarsa lalu mempunyai penghayatan agama yang baik. Tetapi arus kehidupan sekarang yang semakin deras memerlukan masyarakat Islam lebih prihatin dan mengambil berat terhadap pendidikan agama. Ini kerana kekurangan penghayatan kehidupan beragama boleh melalai dan menyasarkan hidup mereka dari landasan kebenaran. Penulis berpendapat penurunan aktiviti bidaah dalam adat ini tidak bersifat keislaman dengan sebenar-benarnya. Dengan kata lain, ia bukan berpunca daripada kesedaran agama yang semakin mendalam atau semakin baik.

Kajian-kajian terdahulu mengenai khurafat juga memberi gambaran yang sama dengan resolusi penulis di mana ia didapati masih lagi berleluasa, cuma keghairahan untuk menghidupkannya semakin berkurangan. Namun demikian masyarakat masih tidak mengambil berat sama ada amalan yang mereka lakukan bertepatan dengan syariat atau tidak. Justeru penulis berpendapat bersikap mendiamkan diri terhadap pengamal-pengamal bidaah perlu ada dalam diri seorang Ahli Sunah dalam situasi tertentu, sementara keadaan masih belum mengizinkan mereka untuk mewarwarkannya. Ramai kalangan ilmuan mengeluarkan pendapat yang sama dengan alasan memelihara keamanan. Ini kerana antara ciri-ciri Ahli Sunah ialah sentiasa menjaga kerukunan persaudaraan Islam serta menjauhkan diri dari perpecahan dan perselisihan dalam agama. Tetapi dalam masa yang sama mereka haruslah sentiasa konsisten serta tidak lalai untuk mengamalkan sunah dan meninggalkan bidaah walaupun ia dipandang baik oleh masyarakat.

:

Seseorang Ahli Sunah juga haruslah sentiasa berusaha merealisasikan Islam sebagai satu cara hidup dalam keluarganya, masyarakat dan negara. Kemajuan teknologi maklumat hari ini didapati banyak memberi peluang kepada umat Islam untuk mencari dan meneroka ilmu-ilmu agama. Ini adalah satu alternatif yang baik dalam usaha menyebarkan agama kepada masyarakat. Penulis meyakini seandainya umat Islam bersatu untuk mendalami ilmu agama, dan para ulama juga berusaha menyatukan pendapat mereka, elemen-elemen bidaah dan khurafat akan dapat dikikis sedikit demi sedikit dan akhirnya umat Islam akan mencapai kemajuan di dunia dan di akhirat.

## 5.2 SARANAN-SARANAN

### 5.2.1 Saranan Kepada Ibu Bapa

- i. Ibu dan bapa perlu memberi lebih perhatian terhadap kualiti pendidikan agama yang diterima oleh anak-anak mereka. Memasukkan mereka ke sekolah agama atau ke kelas-kelas fardu ain sekurang-kurangnya di tahap rendah adalah satu langkah bijak. Bagaimanapun ia tidak cukup untuk membina jiwa islamik dalam diri anak-anak. Pendidikan agama perlu sentiasa diteruskan dan ditambah mengikut perkembangan semasa supaya anak-anak mempunyai ketahanan menghadapi arus globalisasi yang mencabar.  
:
- ii. Ibu bapa juga perlu mempunyai pengetahuan agama yang mencukupi untuk mendidik anak. Justeru, mereka haruslah berusaha untuk memenuhi

keperluan tersebut dengan menghadiri kelas-kelas bimbingan agama dan sebagainya.

### **5.2.2 Saranan Kepada Guru**

- i. Guru-guru agama perlu memainkan peranan mereka untuk mengadakan program-program keagamaan. Mereka boleh bekerjasama dengan AJK surau atau masjid dalam melaksanakannya.
- ii. Guru juga perlu menanamkan kesedaran kepada para pelajarnya mengenai kepentingan ilmu agama di samping ilmu-ilmu lain untuk memandu manusia ke jalan yang benar dan direddai Allah s.w.t.

### **5.2.3 Saranan Kepada Penduduk Kampung**

- i. Para penduduk kampung perlu mengubah sikap kepada suka mengambil perhatian terhadap perkembangan semasa dan perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Ini perlu untuk mengubah paradigma dan pemikiran supaya lebih terkehadapan seterusnya dapat membantu mereka menyelesaikan masalah yang wujud di kawasan kediaman dan di sekeliling mereka.
- ii. Penduduk kampung juga perlu memberi kerjasama dan sokongan kepada pihak berwajib sekiranya ada program keagamaan dijalankan.

#### **5.2.4 Saranan Kepada Ahli Jawatankuasa Masjid**

- i. Pihak AJK masjid juga disarankan membuat kerjasama dengan pihak berwajib dalam usaha mencari guru untuk mengajar di masjid dan surau.
- ii. Membuat promosi kuliah agama secara besar-besaran. Iklan boleh dibuat melalui televisyen, radio dan media massa lainnya yang difikir relevan.
- iii. Mengadakan program-program yang menarik dan tidak *stereotype*. Pembaharuan perlu dilakukan dalam setiap program yang dibuat kerana jika ia ‘sama seperti dahulu’ akan menyebabkan masyarakat kurang tertarik untuk ikut serta.

#### **5.2.5 Saranan Kepada Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung**

- i. Pihak AJKKK seharusnya bekerjasama dengan pihak AJK masjid dalam mempromosi kelas-kelas agama.
- ii. Adalah relevan untuk tidak mengambil sebarang bayaran pada peringkat permulaan. Ini kerana penulis mendapati kebanyakan masyarakat kampung ‘berat tangan’ mengeluarkan wang untuk tujuan tersebut. Bagaimanapun ini bergantung kepada situasi masyarakat itu sendiri.

- iii. Memantau setiap kelas agama sama ada berjalan dengan baik atau sebaliknya.

#### **5.2.6 Saran Kepada Ketua Kampung**

- i. Ketua kampung perlu mengambil peranan menjaga kesejahteraan kampung dengan mengawasi kegiatan-kegiatan khurafat seperti aktiviti memuja kubur dan sebagainya sekiranya terdapat laporan atau desas desus mengenainya. Sekiranya tiada, langkah berjaga-jaga harus juga diambil untuk memastikan ia tidak akan berlaku.
- ii. Pihak ketua kampung boleh membuat laporan kepada Jabatan Agama Islam sekiranya terdapat amalan-amalan yang menyalahi akidah berlaku di kawasan mereka. Desakan juga boleh dibuat supaya amalan tersebut diwartakan haram sebagaimana amalan mandi safar dan puja pantai.
- iii. Ketua-ketua kampung juga sewajarnya menggalakkan atau lebih baik mewajibkan AJKKK atau AJK masjid atau surau untuk mengadakan program-program muhibah yang bercorak keagamaan.

#### **5.2.7 Saran Kepada Penghulu Mukim Jeram**

- i. Penghulu perlu memainkan peranan memantau keadaan di kampung-kampung dari sudut aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mereka secara

tersembunyi atau terang-terangan, sama ada yang bercorak keagamaan atau sebaliknya.

- ii. Penghulu juga boleh meminta kerjasama ketua-ketua kampung supaya memakmurkan masjid dengan mengadakan program-program bercorak keagamaan.

#### **5.2.8 Saranan Kepada Jabatan Agama Islam Selangor**

- i. Menyediakan risalah-risalah mengenai bidaah dan khurafat untuk dihantar ke setiap kampung melalui masjid-masjid atau ketua-ketua kampung.
- ii. Menyediakan sibus pengajian agama tidak formal di kampung-kampung tidak kira ia dijalankan oleh pihak masjid, surau atau orang perseorangan. Pengisian disarankan meliputi hal-hal akidah, ibadah dan akhlak.

#### **5.2.9 Saranan Kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya**

- i. Pihak Akademi Pengajian Islam (API) selaku golongan yang berpendidikan tinggi dalam bidang agama juga perlu memainkan peranan seperti mengadakan program-program bercorak keagamaan di kampung-kampung. Penulis berpendapat program berbentuk keluargaan umpamanya program ‘keluarga angkat’ dapat memberi kesan yang positif.

- ii. Pihak API juga disarankan supaya berhubung dengan Jabatan Agama Islam sama ada secara langsung atau tidak untuk mengadakan program tersebut.
- iii. Kemudahan teknologi maklumat boleh digunakan sebagai satu alternatif untuk menyebarkan ilmu agama kepada masyarakat terutama yang berkaitan dengan bidaah dan khurafat. Pihak API disarankan membina *homepage* atau laman web untuk tujuan ini di mana hasil penyelidikan yang dibuat oleh penuntut boleh disiarkan.

#### **5.2.10 Saranan Kepada Kerajaan**

- i. Menghantar guru-guru agama yang bertauliah ke kampung-kampung untuk mengajar agama. Guru-guru yang dihantar boleh dilantik dari kalangan guru sekolah agama kerajaan dengan diberi elaun khusus.
- ii. Mewajibkan pendidikan agama di peringkat rendah.
- iii. Mewujudkan pendidikan agama yang berkualiti. Adalah tidak memadai sekadar memperbanyakkan sekolah-sekolah agama di peringkat menengah tetapi lebih dari itu kualiti juga harus dipertingkatkan. Pendidikan berkualiti akan melahirkan insan yang berkualiti juga.

:

- iv. Mempertingkatkan kempen kesedaran mengenai pentingnya pendidikan agama dalam kehidupan bukan sahaja untuk kebaikan di akhirat tetapi juga untuk kehidupan di dunia yang serba mencabar sekarang.